



# **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

**PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN  
KEBUDAYAAN KAKITANGAN  
YAYASAN SELANGOR  
KALI KE 29  
(SESI 2015-2017)**

**Tarikh : 01 April 2016 (Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi  
Tempat : Dewan Tingkat 16  
Menara Yayasan Selangor  
Petaling Jaya, Selangor**



## **ISI KANDUNGAN**

1. Kandungan
2. Notis Mesyuarat Agung PKSUKYS Kali Ke 29
3. Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 29
4. Minit Mesyuarat Agung Kali Ke 28
5. Laporan Aktiviti 2015
  - Kedudukan Ahli Jawatankuasa PKSUKYS
  - Rekod Kehadiran Mesyuarat
  - Takwim Tahunan 2016
  - Laporan Aktiviti PKSUKYS
  - Galeri PKSUKYS
6. Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2015
  - Laporan Pemeriksa Kira-kira
  - Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan
  - Lembaran Imbangan
  - Nota-nota Akaun
7. Pembentangan Usul dan Cadangan Pada Tahun 2015



# PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN & KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR

Emel: info@yayasanselangor.org.my Laman Web: http://www.yayasanselangor.org.my

Tingkat 18, Menara Yayasan Selangor, No. 18A,  
Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-7955 1212 Fax: 03-7954 1790

(10) PKSJKYS /SU/SESI 2015-2017

18 Mac 2016

## Semua Ahli

Persatuan Kebajikan, Sukan Dan Kebudayaan Kakitangan  
Yayasan Selangor

Tuan/Puan,

## NOTIS MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR KALI KE – 29


Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk. Sukacita dimaklumkan bahawa Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan Kakitangan Yayasan Selangor (PKSJKYS) akan mengadakan Mesyuarat Agung Kali Ke-29 pada :-

Tarikh : 01 April 2016 (Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor  
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

2. Sehubungan itu, semua ahli PKSJKYS dijemput hadir ke mesyuarat tersebut.
3. Bersama ini dilampirkan **Agenda Mesyuarat** dan **Borang Usul** untuk tindakan tuan/puan. Borang usul hendaklah diserahkan kepada mana-mana Ahli Jawatankuasa PKSJKYS sebelum atau pada 23 Mac 2016.
4. Kehadiran tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**" TEGUH, PRIHATIN DAN SAKSAMA "**

Yang benar

  
**NORLINDA NASRUDDIN**  
Setiausaha

- b.p Naib Yang Dipertua Persatuan Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan  
Kakitangan Yayasan Selangor
- s.k Pengurus Besar merangkap Penaung PKSJKYS  
Pengurus Kanan, Jabatan Pendidikan dan Operasi



**AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN  
YAYASAN SELANGOR  
KALI KE 29**

- 8.30 pagi - Kehadiran dan Pendaftaran Ahli-ahli PKSJKYS
- 9.00 pagi - Bacaan-Yaasin
- 9.30 pagi - Ketibaan Pengurus Kanan, Jabatan Pendidikan dan Operasi
- Ucapan Aluan Yang Dipertua PKSJKYS
  - Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PKSJKYS Kali Ke 29 oleh Pengurus Kanan, Jabatan Pendidikan dan Operasi
- 10.00 pagi - Mesyuarat Agung Tahunan PKSJKYS Kali Ke 29 dimulakan :-
- Membentangkan dan Menerima Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKSJKYS Kali Ke 29 pada 01 April 2016
  - Perkara-perkara Berbangkit
  - Membentangkan dan Menerima Laporan Aktiviti Tahunan PKSJKYS 2015
  - Membentang dan Menerima Penyata Kewangan PKSJKYS Tahun Berakhir 31 Disember 2015
  - Membentangkan dan Membahaskan Usul
  - Ucapan Penangguhan
- 11.00 tghari - Jamuan
- 11.30 tghari - Tamat dan Bersurai

**MINIT MESYUARAT  
AGUNG TAHUNAN  
PKSKKYS KALI KE-28  
(12 JUN 2015)**



**MINIT MESYUARAT PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN  
KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR KALI KE-28**

Tarikh : 12 Jun 2015 (Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Dewan Tingkat 16,  
Menara Yayasan Selangor,  
Petaling Jaya.

Kehadiran :

- 1 A Rahim Bin Abdullah
- 2 Abd Aris Bin Rakiden
- 3 Abdul Halim Bin Abdul Hafiz
- 4 Ahmad Saidi bin Hashim
- 5 Amutha A/P Sahadevan
- 6 Anas Bin Abdul Malek
- 7 Anisuriani Binti Abd Rahim
- 8 Anuar Bin Salleh
- 9 Ayunnie Binti Malkan
- 10 Barudin Bin Yusof
- 11 Daiyana Binti Kamarudin
- 12 Edzham Abdyllah Bin Ednan
- 13 Fadhal Ilahi Bin Mohd Tahir
- 14 Fadhli Bin Hushni
- 15 Farah Ain Binti Roseli
- 16 Farizal Bin Idris
- 17 Hafsa Binti Abdul Karim
- 18 Husmaliza Binti Husin
- 19 Huzaimi Bin Hussin
- 20 Ibrahim Bin Bastani
- 21 Idrus Bin Mohamed Noor
- 22 Ishak Bin Ismail
- 23 Ismail Bin Hj Idris
- 24 Jainudin Bin Siro
- 25 Jameel Bin Baharom
- 26 Jamiah Binti Asri
- 27 Juhari Bin Hussain
- 28 Juliana Binti Mat Nasir
- 29 Juniani Bin Haji Osman
- 30 Kamisah Binti Bujuke

- 31 Khairul Nizam Bin Abu Bakar
- 32 Mad Rodzi Bin Kasan
- 33 Mahadi Bin Mhd Tahil
- 34 Maimunah Binti Omar
- 35 Mapujah Binti Jamingan
- 36 Marsitah Binti Yuswan
- 37 Marwiyah Binti Saibani
- 38 Mazleyana Binti Kamis
- 39 Mohamad Fauzi Bin Haji Ismail
- 40 Mohamad Hazrani Bin Harun
- 41 Mohamad Salleh Bin Abdullah
- 42 Mohd Badri Bin Hassan Bosri
- 43 Mohd Fariz Bin Abd Aziz
- 44 Mohd Fauzi Bin Ibni Hajar
- 45 Mohd Hadi Behesti Bin Mohammad Fauzi
- 46 Mohd Mustakem Bin Roslan
- 47 Mohd Nazrin Bin Md Raji
- 48 Mohd Syafiq Bin Nor Hisham
- 49 Mohd Yazli Bin Kasmin
- 50 Mohd Zam Zam Bin Masturi
- 51 Muhamad Amin Bin Abdul Wahab
- 52 Muhammad Hanafi Bin Mohd Kamal
- 53 Muhammad Naqib Bin Efendi @ Affandi
- 54 Muhammad Nur Waafi Bin Badrudin
- 55 Murniza Binti Mohd Yunos
- 56 Musa Bin Hassan
- 57 Muzaliha Binti Mohamad Yusoff
- 58 Naripah Binti Kusan
- 59 Nasharuddin Bin Baba
- 60 Nasruddin Bin Yusof
- 61 Nik Fadzlin Binti Nik Abdullah
- 62 Nilawati Binti Sairan
- 63 Noor Faradilla Binti Jasni
- 64 Noorenor Binti Shahromniza
- 65 Noorsylawati Binti Berahim
- 66 Nor Asiah Binti Daud
- 67 Nor Azrina Binti Abd Aziz
- 68 Nor Rizar Binti Che Husin
- 69 Nora Azlina Binti Abd Razak
- 70 Norafandi Bin Yaacob
- 71 Norazah Binti Asari
- 72 Norehan Binti Abd Aziz
- 73 Norfazura Binti Jafri
- 74 Norhamidah Binti Abd Rahman
- 75 Norhisamshah Bin Kamaruddin
- 76 Norlinda Binti Nasruddin
- 77 Normah Binti Mokhtar
- 78 Norzianawaty Binti Abd Rahman
- 79 Norzilawati Binti Mustapa

- 80 Nur Saufirah Binti Rozlee  
81 Nur Shahila Binti Mohamed Shahibi  
82 Qhairawani Asyrani Binti Ruslan  
83 Rafidah Binti Saidari  
84 Rahidah Binti Sarip  
85 Raja hahril Shah Bin Raja Hashim  
86 Rohani Binti Jantan  
87 Rohani Binti Mohamed Hashim  
88 Roshidah Binti Abdul Malek  
89 Rosli Bin Darus  
90 Rosmaria Hani Binti Maarof  
91 Rosnani Binti Abdul Latib  
92 Rosni Binti Mohd Rashid  
93 Rumizah Binti Ramin  
94 Rusnani Binti Razak  
95 Sabariah Binti Abdul  
96 Sawiah Binti Ab Jalil  
97 Siti Hajar Binti Saharudin  
98 Siti Nur Azzura Binti Hamdan Abd Khalek  
99 Siti Rohamiza Binti zulkifli  
100 Suhairin Binti Mohd Zain  
101 Suraya Binti Abdul Wahab  
102 Syaifuddin Bin Mohamed Razif  
103 Syarol Haizad Bin Salleh  
104 Syarol Khairi Bin Salleh  
105 Ulfah Binti Md Noor  
106 Wan Mohd Hafiz Bin Abdul Jalil  
107 Wan Ruseli Bin Wan Yacob @ Wan Husain  
108 Zainal Abidin Bin Warlan  
109 Zainudin Bin Misran  
110 Zainun Binti Mohamed  
111 Zaleha Binti Abu Bakar  
112 Zamzuri Bin Ja'afar  
113 Zarina Binti Kamaruddin  
114 Zaufit Bin Mohammed Isa  
115 Zulkefli Bin Ahmad  
116 Zulkifli Bin Amat

## **1.0 UCAPAN PERASMIAN PENAUANG PKSCKYS**

- 1.1 Pengurus Besar merangkap Penaung Persatuan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Pentadbir Persatuan yang memberi komitmen dan komited dalam melaksanakan pelbagai aktiviti dan program persatuan sepanjang tahun 2015.
- 1.2 Program dan aktiviti yang dijalankan oleh Persatuan diharap dapat merapatkan hubungan dan silaturahim diantara warga kerja Yayasan Selangor. Selain itu, Pengurus Besar juga menyarankan Persatuan dapat mempelbagaikan pendapatan untuk meningkatkan kewangan Persatuan.
- 1.3 Akhir kata, beliau merakamkan ucapan terima kasih di atas komitmen dan sokongan penuh pihak Pengurusan, Jawatankuasa Pentadbir Persatuan dan ahli-ahli Persatuan yang banyak melibatkan diri dalam program dan aktiviti yang dijalankan.

## **2.0 UCAPAN ALUAN YANG DIPERTUA PKSCKYS**

- 2.1 Tn. Haji Barudin bin Yusof, Yang Dipertua (YDP) Persatuan mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir pada mesyuarat kali ini.
- 2.2 YDP merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengurus Besar kerana telah meluluskan untuk melaksanakan Mesyuarat Agung PKSCKYS kali ke-28 pada hari ini.
- 2.3 YDP merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Yayasan dan ahli-ahli Persatuan yang memberi sokongan dan komitmen pada aktiviti dan program yang telah dijalankan. Selain itu, YDP juga memohon kepada semua ahli agar dapat memberikan sokongan dan kerjasama terhadap program atau aktiviti yang Persatuan anjurkan demi kebaikan dan manfaat semua ahli.

## **3.0 UCAPAN Pengerusi Mesyuarat**

- 3.1 Yang Dipertua Persatuan selaku Pengerusi Mesyuarat Agung memulakan mesyuarat dengan mengalu-alukan kehadiran ahli dengan ucapan terima kasih.
- 3.2 Beliau memaklumkan kehadiran semua ahli pada hari ini adalah seramai 116 ahli.
- 3.3 YDP menjelaskan tujuan Mesyuarat Agung PKSCKYS kali 28 ini diadakan adalah untuk membentangkan Laporan Kewangan Tahun 2014 dan perlu dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS).

#### **4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PKSCKYS KALI KE 27 PADA 30 Mac 2015.**

- 4.1 Pengerusi telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKSCKYS kali ke 27 bertarikh 30 Mac 2015.
- 4.2 En. Aris bin Rakiden mencadangkan untuk menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PKSCKYS kali ke 27 yang bertarikh 30 Mac 2015 dan disokong oleh Pn. Marwiyah binti Saibani.

#### **5.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN AKTIVITI PKSCKYS**

- 5.1 Setiausaha membentangkan Laporan Aktiviti PKSCKYS bagi tempoh Januari sehingga Jun 2015.
- 5.2 Mesyuarat sebulat suara menerima dan mengesahkan Laporan Aktiviti PKSCKYS bagi tempoh bermula Januari sehingga Jun 2015.

#### **6.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA PENYATA KEWANGAN**

- 6.1 Bendahari membentangkan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2014.
- 6.2 Penyata Pendapatan & Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 menunjukkan pengurangan pendapatan sebanyak 19% dengan jumlah RM 148,838.53 berbanding tahun 2013 dimana pendapatan menunjukkan jumlah sebanyak RM 178,591.82 sahaja. Terdapat kurangan hasil sebanyak RM 29,753.00 di dalam tempoh 2 tahun. Ini kerana pada tahun 2014 pihak Persatuan tiada memperoleh dana tambahan daripada pihak Majikan iaitu Yayasan Selangor berbanding tahun 2013 dimana persatuan mendapat suntikan nilai daripada program PESAYA dengan nilai RM 71,236.
- 6.3 Terdapat peningkatan dana dalam faedah tetap sebanyak 22% iaitu RM 12,817.53 pada tahun 2014 berbanding RM 9,969.62 pada tahun 2013. Sewa Padang AYSKL juga menunjukkan peningkatan 50% dimana tahun 2014 menunjukkan nilai RM 8,959.00 berbanding tahun 2013 hanya RM 4,206.00.
- 6.4 Seterusnya, unjuran perbelanjaan keseluruhan bagi tempoh 2 tahun menunjukkan perbezaan yang agak ketara dimana perbelanjaan berkurang 250% dengan nilai RM 43,545.15 pada 2014 berbanding RM 154,715.65 pada 2013. Secara keseluruhan, lebihan pendapatan atau untung bersih bagi tahun 2014 menunjukkan peningkatan sebanyak 77% dengan nilai RM 105,293.38 berbanding tahun 2013 dengan nilai RM 23,876.17.

- 6.5 Berdasarkan Lembaran Imbangan 2014 pada mukasurat (2) Harta Tetap Persatuan terdiri daripada Komputer Riba Lenovo dan Sistem Perakaunan UBS menunjukkan nilai RM 1,786.00.
- 6.6 Jumlah Siberhutang menunjukkan peningkatan 55% pada tahun 2014 sebanyak RM 190,693.36 berbanding tahun 2013 dengan nilai RM 85,148.46. Wang di tangan dan bank menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak RM 504,044.21 pada tahun 2014 berbanding RM 503,131.00 pada tahun 2013.
- 6.7 En. Aris bin Rakiden meminta penjelasan berhubung perkara 3.7 (Tiket dan Makan Lawatan Sabah 2014 berjumlah RM32,100.00). Pn. Norlinda Nasruddin memaklumkan bahawa sejumlah RM 32,100.00 adalah wang pendahuluan yang diambil oleh Ahli Jawatankuasa untuk menjelaskan bayaran pembelian tiket kapalterbang MAS, pengangkutan dan makan di Sabah. Baki Pendahuluan dan resit bayaran tersebut telah dipulangkan kepada persatuan pada Mac 2015.
- 6.8 Pn. Hajah Rosmaria Hani binti Maarof mencadangkan agar perkara 3.2 : Print Perfect Ent. (Kad Hari Raya Tahun 2004) dan perkara 3.3 : Kol/Lt Dol Ngajis (Sewa Kantin D'Long 2002) bernilai RM 3,400.16 dilupuskan memandangkan telah melebihi tempoh 6 tahun. Pn. Rohani binti Hashim menyokong cadangan tersebut dengan melupuskan Print Perfect Enterprise (RM 1,600.00) dan Kol. Lt Dol Ngajis (RM 1,800.16) dengan jumlah nilai RM 3,400.16.
- 6.9 Pn. Hajah. Rosmaria Hani binti Maarof mohon pencerahan berhubung perkara 3.5: Yayasan Selangor (Majlis Berbuka Puasa 2007) dan perkara 3.6: Yayasan Selangor (Hamper.Hari Raya 2007). Pn. Norlinda Nasruddin menjelaskan perkara 3.5 dan 3.6 adalah jumlah terhutang persatuan kepada Yayasan Selangor. Beliau mencadangkan agar Yayasan Selangor membuat bayaran kontra kepada Persatuan.
- 6.10 Mesyuarat menerima dan mengesahkan Laporan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2014 selepas dicadangkan oleh Pn. Hjh. Rosmaria Hani bt. Maarof dan disokong oleh En. Zam Zam bin Masturi.
- 6.11 Mesyuarat diteruskan dengan pembentangan usul.

## **7.0 USUL-USUL TAHUN 2015**

- 7.1 En. Zamzuri bin Jaafar memberi cadangan Persatuan menjana pendapatan dengan pembelian 'Enagic kangen water' untuk kegunaan ahli. Cadangan usul ini diterima oleh En. Ibrahim bin Bastani dan disokong oleh Pn. Naripah binti Kasan.

- 7.2 En. Khairuman bin Abu Yamin mencadangkan Kuota Pinjaman RM 2,000.00 ditambah daripada 36 sehingga 50 ahli setahun. Cadangan usul ini diterima oleh Pn. Marwiyah binti Saibani dan telah disokong oleh Cik Noorenor binti Shahromniza.

## 8.0 HAL-HAL LAIN

- 8.1 Pn. Kamisah binti Bujuke mencadangkan agar kakitangan yang akan bersara diberi 'tracksuits' dan 'sweater' YS atau PKSKKYS sebagai cenderamata.

## 9.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 9.1 YDP menyeru kepada semua ahli supaya sentiasa berfikiran positif dan bersama-sama bekerjasama dan komited dalam membantu untuk menjana pendapatan Yayasan Selangor dan semua ahli mendoakan agar Yayasan Selangor dimudahkan rezeki dan dipermudahkan urusan membangunkan Yayasan.
- 9.2 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 pagi dengan bacaan surah Al-Asr dan ucapan terima kasih.


Disediakan oleh :-



**SABARIAH BINTI ABDUL**

Pen. Setiausaha PKSKKYS Sesi 2015-2017


Disemak oleh :-



**NORLINDA BINTI NASRUDDIN**

Setiausaha PKSKKYS Sesi 2015-2017

Disahkan oleh :-



**TN. HJ. BARUDIN BIN YUSOF**

Yang Dipertua PKSKKYS Sesi 2015-2017

**LAPORAN AKTIVITI  
TAHUNAN PKSKKYS  
TAHUN 2015**

## 1.0 KEDUDUKAN AHLI JAWATANKUASA PKSKKYS SESI 2015 - 2017

Yang Dipertua	-	Haji Barudin Yusof
Naib Yang Dipertua	-	Pn. Nilawati Sairan
Setiausaha	-	Pn. Norlinda Nasruddin
Penolong Setiausaha	-	Pn. Sabariah Abdul
Bendahari	-	Pn. Nora Azlina Abd Razak
Ahli Jawatankuasa	-	En. Abdul Halim Abd Hafiz (Ketua Biro Seranta)
	-	En. Mohd Fauzi Ibni Hajar (Ketua Biro Pelancongan)
	-	En. Khairuman Abu Yamin (Ketua Biro Akademik)
	-	En. Muhammad Nazri Mustapa (Ketua Biro Sukan)
	-	En. Zamzuri Ja'afar (Ketua Biro Ekonomi)
	-	En. Syaifuddin Mohamed Razif (Ketua Biro Dokumentasi & Media)
	-	En. Zaidi Jaafar (Ketua Biro Kebajikan)
	-	En. Muhammad Nur Wafi Badrudin (Ketua Biro Agama)
	-	Pn. Nurul Ain Muzammil (Ketua Biro Hal Ehwal Wanita)
Pemeriksa Kira-kira :	-	Cik Ayunnie Malkan
	-	Pn. Qhairawani Asyrani Ruslan

## 2.0 REKOD KEHADIRAN MESYUARAT

NAMA	2015					2016		
	3/4	12/5	5/6	29/7	30/9	20/1	28/1	9/3
Haji Barudin Yusof	/	/	/	X	X	-**	-	-
Pn. Nilawati Sairan	/	/	/	/	/	/	/	/
Pn. Norlinda Nasruddin	-*	/	/	/	/	/	/	/
Pn. Sabariah Abdul	-*	/	X	/	/	/	/	/
Pn. Nora Azlina Abd Razak	/	/	/	/	X	/	/	X
En. Abdul Halim Abd Hafiz	/	/	/	/	/	/	X	/
En. Mohd Fauzi Ibni Hajar	/	/	/	-**	-	-	-	-
En. Khairuman Abu Yamin	/	/	/	/	/	/	/	/
En. Muhammad Nazri Mustafa	/	/	X	/	/	/	X	/
En. Zamzuri Ja'afar	X	/	X	/	/	/	/	/
En. Syaifuddin Mohamed Razif	-*	/	/	/	/	/	/	/
En. Zaidi Jaafar	/	/	X	X	/	/	X	X
En. Muhammad Nur Wafi Badrudin	/	X	X	X	X	/	X	X
Pn. Nurul Ain Muzammil	/	/	/	/	/	/	/	/

Nota\* - AJK belum dilantik pada tarikh Mesyuarat

Nota\*\* - AJK berhenti perkhidmatan di Yayasan

### 3.0 TAKWIM TAHUNAN PKSKKYS TAHUN 2016

Terdapat aktiviti atau program yang dirancang sepanjang tahun 2016 untuk ahli-ahli persatuan seperti berikut :-

TARIKH	PROGRAM / AKTIVITI
JANUARI	Program Ceramah Agama
JANUARI	Program Kulinari : Bakeri dan Pastrri
JANUARI	Pertandingan Akhir Sukan Dalam PKSKKYS
FEBRUARI	Penyampaian Hadiah Sukan Dalam PKSKKYS
MAC	Penyampaian Sumbangan Buku Latihan UPSR, PT3 & SPM
MAC	Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang UPSR, PT3, SPM & IPT
APRIL	Mesyuarat Agung PKSKKYS 2016 Kali ke-29
APRIL	Program Sukan Turun Daerah (Khidmat Komuniti)
MEI	Pertandingan Bowling
JUN	Program Smart Solat & Hafazan Juz Amma
JUN/JULAI	Bazaar Ramadhan / Aidilfitri
JUN/JULAI	Penyampaian Sumbangan Ramadhan / Aidilfitri
JULAI	Lawatan Warga Emas Pondok Nurul Hasanah
SEPTEMBER	Semarakkan Kemerdekaan
MAC-OKT	Latihan PESAYA
NOVEMBER	PESAYA di Kota Kinabalu, Sabah
DISEMBER	Lawatan ke Langkawi atau Indonesia
DISEMBER	Hari Keluarga PKSKKYS

\* Tarikh program tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

## 4.0 LAPORAN AKTIVITI PERSATUAN KEBAJIKAN, SUKAN DAN KEBUDAYAAN KAKITANGAN YAYASAN SELANGOR 2015

### 4.1 LAWATAN DAN ZIARAH SILATURAHIM AHLI PKSKKYS

Biro Kebajikan dan Ahli Jawatankuasa Persatuan telah menjalankan program lawatan atau ziarah ahli Persatuan yang didapati uzur, sakit, kematian, kemalangan dan kelahiran cahayamata untuk menunjukkan keprihatinan dan memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada setiap ahlinya. Berikut adalah jadual lawatan dan ziarah yang dijalankan sepanjang tahun 2015 dan 2016.

<b>PROGRAM LAWATAN / ZIARAH SILATURAHIM</b>
Ketua Biro Kebajikan ziarah ahli keluarga Puan Suhana Saugi diatas keputungan bapa beliau kembali kerahmatullah.
Ketua Biro Kebajikan dan Setiausaha ziarah Yang Dipertua PKSKKYS Tuan Haji Barudin Yusof menjalani pembedahan kaki di hospital Pusrawi, Jalan Tun Razak Kuala Lumpur dan rumah beliau di Kota Damansara.
Ketua Biro Kebajikan ziarah Encik Nor Al Hapis Salehan di Hospital Teluk Intan, Perak akibat cedera di kaki terkena mata pisau pemotong rumput.
Setiausaha dan Ketua Biro Hal Ehwal Wanita ziarah Puan Noorsylawati Berahim di atas kelahiran cahayamata perempuan Nur Adriana Bte Ismail.
Ketua Biro Akademik ziarah Cik Noorenor Shahromniza diatas keputungan bapa beliau kembali kerahmatullah.
Ketua Biro Seranta ziarah bapa Puan Norhafizah Badrun diatas keputungan bapa beliau kembali kerahmatullah.
Penolong Setiausaha ziarah Puan Ulfah Md Noor di Jalan Goh Huat Klang sakit saluran darah tersumbat di pergelangan tangan.
Penolong Setiausaha ziarah Puan Norzilawati Mustafa dirumah beliau di Balakong kerana sakit sendi bahu.
Penolong Setiausaha ziarah Puan Rohani Hashim dirumah beliau di Kampung Pandan kerana sakit benjolan tulang ditelapak kaki 'Bunion'.
Penolong Setiausaha ziarah Cik Farah Ain Roseli dirumah beliau di Kampung Pandan kerana sakit slipped disc serta tisu ligamen kaki koyak.
Yang Dipertua dan wakil Bahagian Sumber Manusia melawat Puan Rohani Mat Tasir di rumah beliau di Cheras kerana kemalangan motosikal.
Yang Dipertua dan wakil Bahagian Sumber Manusia ziarah Puan Mustafilah Mohd Nor di Keramat kerana keputungan bapa kerahmatullah.

#### **4.2 SUKAN DAN RIADAH BADMINTON**

Bersukan merupakan aktiviti riadah yang dapat meningkatkan kecergasan dan kesihatan tubuh badan. Untuk memastikan kakitangan sentiasa cergas dan bertenaga ketika bekerja, Persatuan sangat mengalakkan ahli-ahlinya terlibat dengan aktiviti sukan dan riadah dengan memperuntukkan masa selepas waktu kerja dan hujung minggu untuk berlatih sukan dan riadah di Sports Centre Petaling Jaya. Sukan dan aktiviti riadah ini dapat mengeratkan hubungan dan meningkatkan kekuatan fizikal dan mental ahli dalam usaha mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan hidup harian ahli.

#### **4.3 PERLAWANAN BOLASEPAK PERSAHABATAN ANTARA YAYASAN VS PKNS**

Persatuan telah mengadakan perlawanan persahabatan bolasepak di antara Yayasan Selangor dan PKNS pada 28 Ogos 2015 di Stadium FAS Kelana Jaya. Ini merupakan latihan dan pendedahan awal kepada ahli Persatuan sebelum mengikuti program Pesaya pada November 2016. Berdasarkan perlawanan persahabatan ini kemenangan berpihak kepada pasukan PKNS dengan keputusan 2 – 0. Untuk memastikan ahli kekal cergas mental dan fizikal Biro Sukan sentiasa memastikan latihan bolasepak dijalankan secara berkala dan sistematik sebelum menghadapi program PESAYA pada November ini.

#### **4.4 PEMILIHAN PEMAIN DAN LATIHAN SUKAN SEMPENA PESAYA**

Persatuan diberi mandat untuk menguruskan program latihan sukan secara berjadual bagi persiapan penyertaan ke program Sukan Dwi Tahunan Pertandingan Sukan antara Yayasan Se Malaysia (PESAYA) kali ke-12 di Kota Kinabalu, Sabah pada 11 sehingga 18 November 2016 dimana Yayasan Sabah akan menjadi penganjur program PESAYA ke-12.

Pihak persatuan diberi kepercayaan sepenuhnya untuk membuat penyusunan jadual latihan, pemilihan peserta dan peruntukan kewangan bagi penyertaan ke Sukan PESAYA. Latihan sukan telah dijalankan bermula awal Mac 2016 sehingga September 2016 sebelum pemilihan akhir dibuat pada Oktober 2016. Kontinjen Yayasan menghantar peserta untuk acara sukan Bolasepak, Bolatampar (P), Bola Jaring (P), Ping Pong (L & P), Futsal (L), Karom (L & P), Dart, Bowling dan Sukan Muhibah.

#### **4.5 PROGRAM 'HARI PKSKKYS SE YAYASAN'**

Buat julung kalinya Persatuan telah melaksanakan 'Hari PKSKKYS Se Yayasan' dengan tema – "Eratkan Ukhuwah, Jalinkan Kemesraan". Program ini menjadi harapan Jawatankuasa Pelaksana agar ianya menjadi satu Program atau aktiviti tahunan Persatuan.

Tujuan program ini dilaksanakan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi di antara kakitangan Yayasan Selangor di ibu pejabat, asrama, Kem Bina Semangat dan juga Kem The Woods. Program ini telah berlangsung pada 29 Januari 2016 (Jumaat) di dewan besar Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor dengan kehadiran semua warga kerja Yayasan Selangor. Di antara program yang dijalankan adalah Program Ceramah Agama, Program Masakan Kulinari (Bakeri dan Pasta) serta aktiviti Sukan Indoor. Program 'Hari PKSKKYS Se Yayasan' mendapat sambutan hangat dan mengalakkan daripada ahli dan dicadangkan menjadi acara tahunan Persatuan.

#### 4.6 PERTANDINGAN PING PONG, KAROM, DART, CONGKAK DAN BATU SEREMBAN

Biro Sukan telah mengaturkan aktiviti sukan indoor kepada warga kerja dengan menyediakan sukan ping pong, karom, dart, congkak dan batu seremban. Aktiviti ini berlangsung pada 22 Oktober 2015 dan pertandingan akhir pada 29 Januari 2016.

Sukan persahabatan ini bertujuan untuk meningkatkan semangat dan motivasi diri terhadap gaya hidup bekerja, bersosial dan dapat menggunakan secara maksimum potensi diri, rakan sekerja dan persekitaran. Berikut adalah jadual nama pemenang untuk sukan yang dipertandingkan. Tahniat diucapkan kepada pemenang yang berjaya.

SUKAN	NAMA PEMENANG		
	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA
PING PONG (L) (Beregu)	Mohd Salleh Abdullah / Fadhli Hushni	Zaufit Mohamed Isa/ Ahmad Fauzani Ismail	Muhamad Nazri Mustapa/ Zaidi Jaafar
PING PONG (W)	Roshidah Abd. Malik	Noorenor Sharommiza	Norehan Abd Aziz
KAROM (Beregu)	Zaufit Mohamed Isa / Nurul Ain Muzammil	Abd. Halim Abd Hafiz/ Norsyilawati Berahim	Naqib Efendi/ Hanafi Mohd Kamal
DART	Roshidah Abd Malek/ Noorenor Sharommiza	Muhammad Nazri Mustafa/ Zaidi Jaafar	Mohd Ali Ithnin/ Fadhli Hushni
CONGKAK	Norhafizah Badrun/ Siti Nur Azzura Hamdan	Norehan Abd Aziz/ Ayuni Malkan	Nurul Ain Muzammil/ Anisuriani Abd Rahim
BATU SEREMBAN	Nurul Ain muzammil/ Anisuriani Abd Rahim	Rahidah Sarif/ Nik Fadzlin Nik Abdullah	Zaleha Abu bakar/ Nazrina Bahari

#### **4.7 CERAMAH PERKEMBANGAN KERJAYA DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Pada 29 Januari 2016 yang lepas, Persatuan telah menganjurkan Ceramah "Perkembangan Kerjaya dari Perspektif Islam" dengan ceramah disampaikan oleh penceramah jemputan Ustaz Mohd Fauzan Bin Mazlan. Ceramah ini melibatkan kesemua warga kerja Yayasan sempena program 'Hari PKSKKYS Se Yayasan'.

Berdasarkan tema ceramah "Perkembangan Kerjaya dari Perspektif Islam" adalah untuk membina keyakinan diri setiap warga kerja di dalam menerajui sesebuah organisasi. Bagi melahirkan organisasi yang gemilang, setiap pekerja yang menggerakkan organisasi mestilah terlebih dahulu menjadi insan yang cemerlang. Untuk menjadi insan yang cemerlang setiap perbuatan yang dilakukan merupakan ibadah sekiranya ia mematuhi garis panduan yang dikehendaki oleh hukum syarak.

#### **4.8 PROGRAM KULINARI – BAKERI DAN PASTRI**

Biro Hal Ehwal Wanita telah mengadakan program khas untuk wanita iaitu program Kulineri - Masakan Bakeri dan Pastri dengan jemputan khas Chef Yuzilawati Mohd Yusof. Program ini telah diadakan pada 29 Januari 2016 sempena 'Hari PKSKKYS Se Yayasan' dengan kehadiran 35 ahli wanita yang berminat menyediakan bakeri dan pastri dengan menggunakan menu, bahan, peralatan-peralatan dapur dan teknik terbaru yang diperkenalkan oleh Chef Yuzilawati Yusof.

Terdapat 5 jenis menu yang disediakan untuk program masakan ini iaitu Bun Pinal, Bun Kacang Merah, Bun Sosej, Chicken Floss Bun dan Mini Pizza. Kesemua menu ini disiapkan dalam tempoh 3 jam bermula jam 12.00 tengahari sehingga 3.00 petang. Program ini mendapat sambutan hangat dan menggalakkan daripada ahli wanita.

#### **4.9 SUMBANGAN BUKU LATIHAN SPM, PT3 DAN UPSR – KECEMERLANGAN ANAK AHLI**

PKSKKYS mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan kecemerlangan anak – anak ahli di dalam bidang akademik dan sahsiah diri. Persatuan berbesar hati memberi sumbangan buku latihan dan latih tubi kepada anak-anak ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-29 pada 01 April 2016. Terdapat 55 anak ahli yang akan menghadapi peperiksaan SPM, PT3 dan UPSR pada tahun 2016 dengan jumlah peruntukan RM 2,000.00.

#### 4.10 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG YAYASAN SELANGOR 2013 & 2014 (APC)

Yayasan Selangor telah mengadakan program Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Yayasan Selangor (APC) pada 18 Disember 2015 bersamaan hari Jumaat di Asrama Yayasan Selangor Klang. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan satu pengiktirafan kepada warga kerja yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun yang dinilai. Justeru itu, pihak Persatuan berbesar hati untuk memberi sumbangan kepada ahli yang bertungkus lumus, tekun dan bersungguh bekerja dengan menyumbang Satay dan Kambing golek sebagai menu utama dengan nilai keseluruhan RM 1,800.00. Selain itu Persatuan juga menyumbangkan hadiah cabutan bertuah iaitu baucer membeli-belah di pasaraya Giant dengan nilai keseluruhan RM 700.00.

#### 4.11 KELAS MENGAJI AL QURAN DAN TAJWID

Persatuan menjalankan kelas mengaji Al Quran dan Tajwid kepada ahli-ahli yang berminat belajar tajwid dan mengaji Al Quran dengan keahlian 10 orang di ibu pejabat Yayasan. Kelas ini dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali seminggu pada hari Jumaat jam 12.00 – 2.30 tengahari. Perbelanjaan bayaran ini ditampung sebahagian oleh Persatuan dan sebahagian sumbangan wang ahli.

#### 4.12 JUALAN SABUN BIOSINAR

Persatuan berusaha mendapatkan sumber pendapatan dengan menjual produk sabun Biosinar dan ahli yang berminat untuk membeli atau membuat tempahan boleh menghubungi ketua Biro Ekonomi Encik Zamzuri Ja'afar. Keuntungan hasil jualan sabun ini akan dimasukkan ke dalam akaun Persatuan.



**GALERI PKSKKYS  
TAHUN 2015**


## 5.0 GAMBAR AKTIVITI PKSKKYS TAHUN 2015


### 5.1 LAWATAN DAN ZIARAH SILATURAHIM AHLI PKSKKYS



5.2 'HARI PKSKKYS SE YAYASAN' - PROGRAM KULINARI BAKERI DAN PASTRI







### 5.3 'HARI PKSKKYS SE YAYASAN

- PERTANDINGAN PING PONG, KAROM, DART, CONGKAK & BATU SEREMBAN





#### 5.4 PERLAWANAN BOLA SEPAK YAYASAN SELANGOR DAN PKNS



5.5 'HARI PKSKKYS SE YAYASAN'  
- CERAMAH PERKEMBANGAN KERJAYA DARI PERSPEKTIF ISLAM



## 5.6 PROGRAM KELAS MENGAJI AL QURAN DAN TAJWID



**USUL-USUL  
AHLI PKSKKYS**

## **7.0 USUL-USUL AHLI PKSKKYS TAHUN 2016**

### **7.1 PN. SABARIAH ABDUL – BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

#### **Usul Pertama :**

Mencadangkan kekosongan jawatan Yang Dipertua PKSKKYS dipenuhi oleh Naib yang Dipertua iaitu Puan Nilawati Bt. Sairan (Eksekutif Kanan Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran).

#### **Usul Kedua :**

Kakitangan yang berhenti berkhidmat daripada Yayasan Selangor tidak kurang dari 10 tahun tempoh perkhidmatan diberi saguhati oleh Persatuan sebanyak RM 500.00.

#### **Usul Ketiga :**

Saguhati kelahiran cahaya mata dinaikkan daripada RM 200.00 kepada RM 300.00.

### **7.2 PN. NORFAZURA JAFRI -BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

#### **Usul Pertama :**

Ahli yang tidak pergi ke Sukan PESAYA mendapat sepasang track Suit (sama seperti peserta PESAYA)

#### **Usul Kedua :**

Kakitangan yang berhenti / tamat kontrak / bersara diraikan dalam satu majlis 'Farewell' yang dianjurkan oleh pihak Pengurusan Yayasan Selangor (Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran) atau diberi surat penghargaan.

#### **Usul Ketiga :**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk kakitangan Yayasan Selangor di buat diluar premis Yayasan seperti hotel / IACC / SACC Mall